

0318

U B443 AAB
CHOGM - PERANAN

1

KUALA LUMPUR, 16 OKT (BERNAMA) --KOMANWELKINI SEDANG BERUSAHA LEBIH GIGIHLAGI UNTUK MEMBANTU NEGARA-NEGARA ANGGOTA SEDANG MEMBANGUN DAN MISKIN, KATA PERDANAMENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR HOHAMAD HARI INI.

MEMANDANGKAN PERKEMBANGAN ITU, MALAYSIA, YANG PADA SUATU MASA OULU KUAT MENKRITIKNYA, KINI MENGAJISEMULA PENDIRIANNYA SERTA MENGAMBIL KEPUTUSAN UNTUK MEMAINKAN PERANAN YANG LEBIH CERGAS DALAM HAL EHWAL KUMPULANITU, KATANYA.

BAGAIMANAPUNAPA YANG MALYSIAMAHU LIHAT IALAH NEGARA-NEGARA ANGGOTA KOMANWEL YANG SEDANG MEMBANGUN DAN MISKIN MEMPEROLEHI NIKMAT PRAKTIKAL DENGAN MENJADI ANGGOTA KOMANWEL, BELIAU MEMBERITAHU PERSIDANGAN AKHBAR DI SINI DUA HARI SEBELUM BERMULANYA MESYUARAT KETUA-KETUA KERAJAAN KOMANWEL (CHOGM).

DATUK SERI DR MAHATHIR YANG JUGA PENERUSI SIDANG PUNCAK ITU BERKATA, PADA SUATU MASA DULU KOMANWEL TIDAK BERUSAHA SECUKUPNYA UNTUK MEMBANTU NEGARA-NEGARA ANGGOTANYA YANG MISKIN.

BANTUAN SANGAT-SANGAT DIPERLUKAN DALAM BIDANG MENGURUSKAN PERUBAHAN TEKNOLOGI DI NEGARA-NEGARA ANGGOTA YANG SEDANG MEMBANGUN AGAR NEGARA-NEGARA ITU TIDAK DITINGGALKAN OLEH NEGARA-NEGARA YANG LEBIH MAJU.--LAGI

1318MST 16 10 89

0320

U B444 AAB
CHOGM - PERANAN 2 KUALA LUMPUR

NEGARA-NEGARA INIMEMERLUKAN LEBIH BANYAK BANTUAN PRAKTIKAL SEPERTI DALAM BIDANG LATIHAN TENAGAKERJA UNTUK MEMENUHI KEMAJUAN DALAM BIDANG TEKNOLOGI, KATANYA.

+BAGAIMANAPUN TERDAPAT BANYAK ASPEK POSITIF MENGENAI KOMANWEL. MALAYSIA MAHU MEMAINKAN PERANAN YANG LEBIH CERGAS DAN MENJADI TUAN RUMAH KEPADA MESYUARAT KETUA-KETUA KERAJAAN KOMANWEL (CHOGM) DI SINI IALAH HASIL PEMIKIRAN BARU NEGARA TERHADAP KOMANWEL, + KATANYA KETIKA MENJAWAB SATU SOALAN. -- BERNAMA

1320tIST 16 10 89